

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kosmo Online

TARIKH : Ahad, 9 November 2014

Kosmo! Online - Terkini

<http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=>



10 November 2014

TERKINI

1.6 juta bahan bacaan dibekalkan di 1,121 perpustakaan desa

09/11/2014 4:38pm

MELAKA - Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah membekalkan sebanyak 1.6 juta naskah bahan bacaan terbitan dalam negara di 1,121 perpustakaan desa di seluruh negara sejak 2006.

Ketua Pengarahnya, Nafisah Ahmad berkata, penyediaan bahan bacaan melibatkan 80 peratus dalam bahasa Melayu dan 20 peratus dalam bahasa Inggeris itu membabitkan peruntukan antara RM4 juta hingga RM6.5 juta setahun.

Beliau berkata, bahan bacaan yang disediakan juga terdiri daripada pelbagai kategori dan bidang ilmu bagi semua peringkat umur.

"Pada tahun ini sahaja sejumlah RM6.5 juta disediakan untuk membeli bahan bacaan untuk perpustakaan desa bagi memastikan bahan bacaan yang dibeli itu dapat memberi manfaat kepada golongan sasaran melibatkan masyarakat desa," katanya kepada Bernama ketika ditemui selepas merasmikan program 'Bahasa Merentas Desa', di Perpustakaan Desa PNM, Taman Seri Duyong, di sini hari ini.

Beliau berkata, buat permulaan, sebanyak 5,000 naskah bahan bacaan akan dibekalkan di setiap perpustakaan desa yang baru ditubuhkan dan ia akan ditambah antara 400 hingga 500 naskah dari masa ke semasa. - Bernama